



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (45)

## SIARAN MEDIA

### DOF JAYAKAN PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI DI SMK CYBERJAYA

**CYBERJAYA, 7 November 2025** – Program Apresiasi Sekolah Angkat MADANI antara Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cyberjaya telah diadakan hari ini sebagai tanda penghargaan atas kejayaan pelaksanaan inisiatif Sekolah Angkat MADANI tahun 2025. Majlis disempurnakan oleh Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif Kerajaan MADANI yang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menggalakkan sinergi antara agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi pendidikan dalam memperkasa kualiti pembelajaran serta kesejahteraan warga sekolah. Melalui peruntukan berjumlah RM100,000, DOF telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan yang memberi impak langsung terhadap peningkatan kemudahan sekolah, proses pengajaran dan pembelajaran, serta kebajikan guru dan pelajar SMK Cyberjaya.

Melalui peruntukan tersebut, DOF menyalurkan pelbagai bentuk bantuan yang memberi manfaat langsung kepada warga sekolah. Antara inisiatif utama termasuk pembekalan set LEGO Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang digunakan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Inisiatif ini turut membantu pelajar SMK Cyberjaya meraih tempat ketiga dalam pertandingan LEGOLAND® School Challenge 2025 di Iskandar Puteri, Johor.

Selain itu, bantuan turut disalurkan bagi penyediaan meja dan kerusi peperiksaan baharu di dewan peperiksaan sekolah, kerja naik taraf bilik kegiatan guru bagi mewujudkan ruang kerja yang lebih selesa, serta penggantian penyaman udara di beberapa lokasi utama seperti bilik sumber, perpustakaan dan bilik guru. Kesemua penambahbaikan ini menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif serta meningkatkan tumpuan pelajar dan tenaga pengajar.

Sebagai simbol keterjalinan hubungan antara dua organisasi berlainan bidang, DOF juga telah menganjurkan program libat urus dan literasi perikanan bersama warga SMK Cyberjaya. Program ini memberi tumpuan kepada pemahaman tentang kepentingan pemuliharaan sumber perikanan, pengenalan ikan asli Malaysia serta potensi industri perikanan hiliran melalui aktiviti seperti kempen uji rasa produk perikanan tempatan dan pertandingan kulinari Rasa-Rasa Akuakultur Edisi Sekolah. Pendekatan ini memperkukuh usaha Jabatan dalam memperluas kesedaran awam terhadap peranan sektor perikanan dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara.

Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI menunjukkan keberkesanan kerjasama antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan dalam menambah baik kemudahan serta suasana pembelajaran di sekolah, di samping memberi peluang kepada agensi kerajaan untuk menyumbang secara langsung kepada peningkatan kualiti pendidikan dan kesejahteraan warga sekolah.

“Jabatan Perikanan Malaysia amat berbesar hati dapat menyumbang kepada usaha ini dan melihat manfaatnya dinikmati terus oleh warga SMK Cyberjaya. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam menyokong usaha meningkatkan kualiti pembelajaran dan kesejahteraan warga sekolah,” ujar beliau.

Pelaksanaan program ini turut disokong oleh Pejabat Perikanan Negeri Selangor, yang berperanan sebagai penyelaras utama di peringkat negeri termasuk menyelia keperluan logistik dan pemantauan projek bantuan bagi memastikan setiap sumbangan sampai kepada sasaran dengan berkesan.

Program Sekolah Angkat MADANI ini mencerminkan keprihatinan Jabatan Perikanan Malaysia terhadap pembangunan masyarakat melalui pendekatan kolaboratif dan berimpak langsung. Jabatan akan terus menyokong inisiatif seumpama ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya dalam memperkukuh jaringan komuniti pendidikan dan kesejahteraan rakyat.

**Pautan gambar :**

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1eXzA9gu7tCHGLpNyeLJphHAPEFchbBj>

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)